



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA  
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

**Tahukah Anda?**

## PAJAKAN DAN TENANSI (SEWAAN)

**“TUAN TANAH BOLEH MEMBERIKAN HAK KEPADA MANA-MANA ORANG ATAU BADAN UNTUK MENGUSAHAKAN TANAH MEREKA MELALUI URUSNIAGA TANAH IAITU PAJAKAN ATAU SEWAAN.”  
(S.221 DAN S.223 KTN)**

### PAJAKAN

#### ■ Tafsiran S.5 KTN:

*“Pajakan ertinya pajakan berdaftar atau pajakan kecil tanah bermilik”.*

*“Pajakan kecil ertinya satu pajakan kecil berdaftar bagi mana-mana tanah bermilik.”*

#### ■ Tempoh pajakan terbahagi kepada 2:

- Tempoh pajakan keseluruhan mestilah melebihi 3 tahun tetapi tidak boleh melebihi 99 tahun.
- Tempoh pajakan sebahagian mestilah melebihi 3 tahun tetapi tidak boleh melebihi 30 tahun.

#### ■ Pajakan perlu didaftarkan dengan menggunakan borang:

- Borang 15A (Pajakan keseluruhan atau sebahagian tanah).
- Borang 15B (Pajakan kecil tanah).

### TENANSI (SEWAAN)

#### ■ Tafsiran S.5 KTN:

*“Tenansi yang bebas pendaftaran mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (1) seksyen 213 KTN.”*

#### ■ Tafsiran S.213 KTN

*“Tenansi dan sub-tenansi tidak melebihi 3 tahun menurut S.213 KTN dan tenansi atau sub-tenansi satu tempoh tidak melebihi satu tahun tertakluk kepada peruntukkan undang-undang terdahulu”*

- Tempoh tenansi adalah kurang dari 3 tahun.
- Transaksi tenansi dianggap sah samada dilaksana secara tulisan atau lisan.
- Tenansi tidak perlu didaftarkan.
- Walau bagaimanapun, transaksi tenansi secara bertulis, pemegang tenansi boleh memohon dicatat di dalam dokumen hakmilik daftaran.